

25 NOV 1996

APEC: PEMIMPIN SAHKAN PELAN BERTINDAK MANILA BAGI APEC

Oleh: Yong Soo Heong

SUBIC BAY, 25 Nov (Bernama) -- Para pemimpin 18 negara ekonomi APEC hari ini telah mengesahkan Pelan Bertindak Manila untuk Apec (Mapa) dengan pengisytiharan pelancaran pelaksanaan agenda dagangan bebas dan terbuka rantau ini yang akan berkuat kuasa mulai Januari tahun depan.

Mereka menyatakan pencapaian bersama APEC bagi pertumbuhan yang berkekalan, pertambahan gunatenaga dan kestabilan serantau adalah kerana komitmen bersama terhadap dasar yang berasaskan pertumbuhan.

Pengisytiharan itu telah dibacakan oleh Presiden Filipina Fidel Ramos yang bertindak selaku Pengerusi sidang Kemuncak Manila tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah mewakili Malaysia di Sidang Kemuncak itu, iaitu yang ketiga selepas Bogor (Indonesia) dan Osaka (Jepun), beliau tidak menghadiri sidang kemuncak yang pertama yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat di Pulau Island, Seattle.

Membacakan pengisytiharan itu, Ramos menyatakan: "Kami datang ke Subic untuk mengukuhkan komitmen tersebut dan mengesahkan semula objektif utama untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat secara yang berterusan."

Di Pulau Blake tiga tahun lalu, para pemimpin telah membuat komitmen, untuk memperdalam semangat yang berasaskan wawasan bersama untuk mencapai kestabilan, keselamatan, kemakmuran bagi rakyat kita," kata beliau.

Di Bogor dalam tahun 1994, mereka telah memulakan wawasan kepada perdagangan bebas dan terbuka di rantau ini, dan di Osaka tahun lepas mereka telah bersetuju bagi rangka kerja "kerja masa depan bersama untuk mencapai matlamat bersama bagi pengliberalan dagangan dan pelaburan dan kerjasama teknikal dan ekonomi."

Sidang Kemuncak tahun ini adalah yang keempat sejak di Pulau Blake dalam tahun 1993 walaupun APEC bermula dalam tahun 1989 di Canberra.

Di Bogor, para pemimpin telah menyuatkan hasrat bagi dagangan bebas dan pelaburan menjelang tahun 2010 bagi negara-negara perusahaan dan 2020 bagi negara-negara sedang membangun.

Pendirian Malaysia berkaitan dengan Pengisytiran Bogor ialah komitmen seumpama itu adalah secara sukerala dan tidak terikat dan setiap ahli dibenarkan bergerak mengikut langkah mereka sendiri.

Pendirian seumpama itu juga telah diambil di sidang kemuncak tahun lepas di Osaka apabila Agenda Bertindak Osaka telah dirumuskan.

Pengisytiharan hari ini, Ramos menyatakan: "Kami telah memperdalam semangat kemasyarakatan di rantau Asia Pasifik dan telah mengesahkan komitmen kepada pertumbuhan berkekalan dan pembangunan yang adil."

Para pemimpin juga telah mengambil langkah memudahkan perniagaan dengan bersetuju mencapai matlamat bersama di Pertubuhan Dagangan Dunia, membangunkan cara untuk memperkukuh kerjasama ekonomi dan teknikal dan melibatkan sektor perniagaan sebagai rakan kongsi penuh dalam proses APEC, kata beliau.

Berkaitan dengan MAPA, Ramos menyatkan para pemimpin datang ke Subic membawa inisiatif individu dan bersama bagi memenuhi komitmen untuk melaksanakan Agenda Bertindak Osaka.

Ramos berkata: "MAPA mengandungi langkah pertama proses ke arah pengliberalan dagangan dan pelaburan bagi mencapai matlamat Bogor menjelang tahun 2010/2020 bersesuaian dengan Agenda Osaka.

"Kami berminat untuk mengekalkan dinamisme rancangan kami melalui proses yang berterusan. Kami telah komited untuk melaksanakan Mapa dan memperbaiki pelan bertindak individu."

MAPA mempunyai tiga komponen, Pelan Bertindak Individu (IAP), Pelan Bertindak Bersama (CAP) dan Kerjasama bersama Ekonomi dan Teknikal.

MAPA juga menggariskan enam bidang-- laluan pasaran yang lebih luas dalam langkah tarif dan bukan tarif, meningkatkan laluan pasaran dalam perkhidmatan, memberikan regim pelaburan terbuka, mengurangkan kos melakukan perniagaan dan memperkukuhkan kerjasama ekonomi dan teknikal.

Bidang utama juga melibatkan program kerja yang mengandungi lebih 320 projek yang bertujuan mempertingkatkan kemajuan dalam bidang tersebut.

Ramos menyatakan para pemimpin mengalu-alukan keputusan untuk bertemu lagi tahun depan untuk mengkaji IAP dan untuk mengambil kira pandangan sektor swasta.

Para menteri juga telah diarahkan untuk mengenal pasti sektor yang boleh diliberalkan terlebih dahulu dan memberi kesan yang positif kepada dagangan, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi di negara-negara ekonomi APEC.

Beliau menyatakan negara ahli menjadikan tarif mereka lebih telus dan telah bersetuju menyeragamkan tarif menjelang hujung tahun tersebut dan langkah pelepasan kastam menjelang tahun 1998.

Mereka juga telah bersetuju untuk menyeragamkan standard kebangsaan dengan standard antarabangsa bagi mengiktiraf standard satu sama lain.

Para pemimpin telah mengarahkan para menteri mereka untuk mempergiat kerja bagi memudahkan langkah kelulusan kastam, melaksanakan komitmen hak hartanah pintar, menyeragamkan penilaian kastam, memudahkan dagangan dan perkhidmatan dan mempertingkatkan suasana pelaburan.

Berkaitan dengan sektor telekomunikasi dan kewangan, Ramos menyarankan ahli APEC untuk berusaha memenuhi rundingan yang belum selesai dan untuk mengadakan program yang berkesan untuk menggerakkan WTO ke depan.

Beliau juga merujuk kepada para pemimpin bagi kesudahan Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) oleh mesyuarat WTO Singapura yang akan menghapuskan tarif menjelang tahun 2000 walaupun ia mengakui keperluan kepada keanjalan.

Di bawah IAP, komitmen Malaysia dari segi laluan pasaran melalui langkah tarif dan bukan tarik termasuk dalam potongan cukai yang terkandung dalam Belanjawan Kebangsaan 1997.

Kedudukan Malaysia ialah ia akan terus mengurangkan tarif di bawah belanjawannya.

Dari segi langkah pembukaan pasaran dalam sektor swasta, Malaysia telah komited untuk membenarkan pelaburan asing untuk memiliki 49 peratus ekuiti dalam syarikat pembrokeran saham. Pelaburan asing juga dibenarkan untuk memiliki 70 peratus syarikat pengurusan dana tempatan.

Dalam sektor perkhidmatan kewangan Malaysia, sekitar 40 peratus pembiayaan dagangan dikendalikan oleh institusi kewangan asing. Dalam sektor insurans, syarikat asing membabitkan 65 peratus pasaran.

Dalam sektor perbankan komersil, pelaburan asing membabitkan 40 peratus jumlah keseluruhan aset.

Berkaitan dengan sektor teknologi maklumat, 60 peratus barangan tersebut adalah bebas cukai di Malaysia. -- BERNAMA

SHY RIF